



No. Ruj.: PRK.ML.11/02/09-1/1(119)

SIARAN MEDIA

TINDAKAN PEMANGKIN UNTUK LAUTAN DAN IKLIM KITA : DOF GIATKAN USAHA PELIHARA TERUMBU KARANG

Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) selaku peneraju pengurusan sumber marin negara akan terus memberi komitmen yang tinggi dalam memastikan perairan laut negara sentiasa dipelihara dan hidupan marin sentiasa dilindungi demi kelestarian sumber perikanan.

Ketua Pengarah Perikanan, Dato' Adnan Hussain berkata, DOF telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam memelihara perairan laut negara. Antara inisiatif dan usaha yang telah dijalankan ialah pemantauan berterusan terhadap terumbu karang serta kualiti air Taman Laut dan restorasi karang.

Bertepatan dengan tema sambutan Hari Lautan Sedunia 2024 iaitu **Tindakan Pemangkin untuk Lautan dan Iklim Kita**, DOF telah melaksanakan pemantauan terumbu karang secara berkala. Pemantauan yang dijalankan bersama badan bukan kerajaan, penyelidik tempatan serta sukarelawan adalah untuk menilai kesihatan dan kepelbagaian spesies terumbu karang. Pemantauan ini penting untuk mengenal pasti ancaman dan tekanan yang dihadapi oleh terumbu karang, seperti perubahan iklim, penangkapan ikan yang tidak mampan serta pencemaran berasaskan daratan.

Berdasarkan rekod DOF, status peratusan Litupan Karang Hidup (LKH/ Live Coral Cover, LCC) (Hard Coral+Soft Coral) di perairan Taman Laut dan Kawasan Larangan Perikanan Malaysia (FPA) pada tahun 2023 menunjukkan peningkatan yang baik iaitu 54.23% berbanding tahun 2022 iaitu 50.96%. Terdapat beberapa transek kekal yang tertentu mempamerkan penurunan dalam LKH disebabkan oleh faktor seperti ancaman tapak sulaiman mahkota berduri atau *Crown of Thorns* (COTs) dan pelbagai pengaruh antropogenik yang memberi kesan kepada kesihatan terumbu.

Purata LKH Nasional pada 2023 berada pada 45.87% iaitu pada tahap sederhana, merangkumi kawasan terumbu yang dilindungi dan tidak dilindungi. Peratusan LKH dikawasan Taman Laut dan FPA adalah lebih tinggi berbanding peratusan LKH Nasional. Perbandingan ini jelas menunjukkan keberkesanan pengurusan habitat terumbu karang di Kawasan Perlindungan Marin (MPA) yang ditadbir oleh DOF.

Pemantauan tahunan kualiti air di Taman Laut juga dijalankan bagi memantau tahap kualiti air yang mempengaruhi faktor kesihatan habitat terumbu karang. DOF menempatkan lima stesen tetap pemantauan kualiti air di Taman Laut yang mencekap data pada sela masa lima minit. Data pemantauan ini akan membantu DOF dalam menilai langkah/ tindakan proaktif terhadap kesan perubahan iklim ke atas ekosistem lautan negara.

DOF juga terlibat dalam usaha pemuliharaan terumbu karang di kawasan terumbu yang terosot/ terdegradasi. Pemuliharaan sumber marin melalui pendekatan restorasi adalah salah satu kaedah untuk memulihkan habitat terumbu karang yang diancam kemerosotan.

Kawasan seluas 1,045.63m² di hadapan Pusat Taman Laut Pulau Redang, Terengganu telah berjaya dipulihara atau di restorasi daripada kesan kemusnahan akibat Ribut Tropika Pabuk yang melanda pada tahun 2019. Bagi Taman Laut Pulau Payar Kedah, kawasan seluas 813m² berjaya dipulihara dan usaha ini diteruskan di beberapa lokasi lain yang telah dikenal pasti di sekitar kawasan Taman Laut seperti di Pulau Perhentian dan Pulau Redang, Terengganu.

Taman Laut Pulau Tioman, Sibutu-Tinggi, Redang dan Perhentian telah dikenal pasti sebagai kawasan terumbu karang yang berdaya tahan 'resilience' daripada sebarang ancaman perubahan iklim. Kawasan ini akan diberikan perlindungan sepenuhnya agar tidak mengalami kelunturan karang di masa hadapan dan penekanan lebih melalui pengezonan khas untuk memulihara habitat unik yang berada di kawasan tersebut.

Kelestarian ekosistem terumbu karang perlu dipelihara bagi mengelakkan khazanah marin tersebut musnah akibat aktiviti manusia. Bersempena Sambutan Hari Laut Sedunia pada 8 Jun 2024, orang ramai digesa untuk mengambil bahagian secara aktif dalam usaha pemuliharaan lautan dengan mengurangkan sisa plastik, menyokong amalan penangkapan ikan yang mampan dan menyokong pemuliharaan marin. Setiap individu boleh menyumbang kepada kesihatan dan kelestarian lautan demi kesejahteraan generasi semasa dan akan datang. Bersama-sama, kita boleh membuat perubahan dan memastikan masa depan yang mampan untuk persekitaran marin.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my

8 Jun 2024